



Momentun pemulihan

PEMULIHAN ekonomi negara berada di posisi yang baik pada 2022 berdasarkan kepada situasi ekonomi semasa terutama apabila kegiatan ekonomi dibenarkan semula dengan kebenaran merentas negeri sejak 11 Oktober lalu.

Penganalisis Ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid (gambar) berkata, laporan **Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)** mengenai kadar pengangguran terus menurun iaitu daripada 4.5 peratus pada September, kini mencapai 3.4 peratus pada Oktober 2021.

Katanya, berdasarkan laporan itu, ia menunjukkan ekonomi negara berada di atas landasan yang baik dan diharapkan momentum ini berterusan apabila sektor ekonomi terus dibuka, misalnya sektor pelancongan dijangka akan menerima pelancong asing pada Januari 2022.

"Sektor pelancongan pernah menyumbangkan 15 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2019 dijangka akan bertambah positif pada 2022 dengan kedatangan pelancong asing yang 45 peratus dari jumlah keseluruhan pelancong setiap tahun.

"Ini memberikan pengaruh yang baik kepada rantaian nilai dalam industri ini iaitu perhotelan, pengangkutan, restoran, runcit dan sebagainya yang pastinya melegakan perniagaan mikro kecil dan sederhana yang menjadi antara pemain utama industri ini.

"Bagaimanapun, menurut unjuran sektor industri pelancongan, ia hanya akan kembali seperti sebelum pandemik Covid-19 melanda menjelang 2023.

"Ini berikutan masih ada lagi ancaman seperti varian baru seperti Omicron yang boleh menjelaskan pemulihan ekonomi di seluruh dunia," katanya kepada Bisnes Metro.

Selain itu, Dr Aimi Zulhazmi berkata, kerajaan juga perlu juga mengawasi kenaikan harga barang utama iaitu kadar inflasi sejak pemulihan ekonomi bermula.

Menurutnya, ini amat merisaukan jika tidak dikawal kerana ia akan mengurangkan kadar pariti kuasa beli, apatah lagi apabila pendapatan rakyat sudah menurun sejak pandemik berlarutan terutama golongan B40 dan M40 serta 'penghijrahan' 58,000 golongan M40 ke B40 turut dilaporkan oleh kerajaan.

Beliau berkata, KDNK 2022 juga akan terus didorong dengan perkembangan lebihan perdagangan luar Malaysia yang berterusan termasuk sektor eksport terus melebihi import.

"Ini berikutan permintaan berterusan untuk barang keluaran Malaysia seperti semikonduktor, sarung tangan, kelapa sawit serta harga minyak yang kembali stabil kira-kira AS\$80 setong," katanya.

<https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/12/788256/momentun-pemulihan>